

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 19 BILANGAN 3 RABU 16HB. JANUARI, 1974. 1393 رابو 22 ذوالحججه PERCHUMA



Mempelai Diraja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah dan Yang Mulia Pengiran Anak Tahiruddin ketika menjalani Istiadat Bersanding Diraja di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana.

BERIBU2 SAKSIKAN PERARAKAN PENGANTIN DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Bersanding Pengantin Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan Yang Mulia Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Muda Safiuddin telah selamat di-langsungkan pada hari Khamis, 10hb. Januari lalu.

Istiadat gilang-gemilang yang di-jalankan dengan penoh adat-istiadat itu telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana.

Sa-rentak dengan Istiadat Bersanding itu, tembakan meriam sa-banyak 17 das telah di-lepaskan serta di-iringi dengan salawat dan bacaan do'a selamat sa-bagai menandakan selamat berlangsungnya istiadat tersebut.

Hadhir di-Istiadat Bersanding Pengantin Diraja itu ia-lah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri, T.Y.T. Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.W. Mofatt; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan D.Y.T.M. Paduka Seri Suri Seri Begawan Raja; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkih; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Suffri Bolkih; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkih; kerabat2 Diraja; Penasehat U m u m kebawah D.Y.M.M.; Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pmk. Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin; Y.T.M. Seri Paduka Wazir2, Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ketua2 Jabatan Kerajaan, Pengiran2, Pehin2 serta jempunan2 khas.

Sa-telah Istiadat Bersanding, kedua mempelai Diraja itu kemu-

(Lihat muka 8)

Peluang2 yang di-berikan hendak-lah di-gunakan dengan sebaik2-nya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang juga menjadi Pengerusi Majlis Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Hj. Mohd. Jamil Al-Sufri menasihatkan 11 orang penuntut yang akan menyambung pelajaran mereka di-United Kingdom supaya mengambil perhatian dengan bersungguh2 dan menggunakan dengan seponohnya peluang yang di-berikan supaya hasil penunutan mereka itu akan mencapai kejayaan dan dapat di-gunakan untuk pembangunan negara yang sedang ranciak di-jalan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia pada masa ini.

Yang Berhormat memberikan nasehat ini ketika beliau berucap kepada penuntut2 itu di-Bilik Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka pada minggu lalu.

Mereka itu ada-lah sa-bahagian daripada penuntut2 yang telah dipanggil pulang dari Semenanjung Malaysia dalam bulan Disember yang lalu.

Penuntut2 itu akan menuntut di-beberapa buah maktab di-United Kingdom.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menyatakan semenjak dari penarekan penuntut2 itu, usaha Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk menempatkan mereka telah di-jalankan dengan bersungguh2 dan dengan limpah kornia Tuhan, usaha itu telah men-

dapat hasil yang baik di-mana penuntut2 telah di-terima untuk melanjutkan pelajaran di-maktab2 di-United Kingdom.

Beliau berkata, usaha2 untuk mendapatkan tempat bagi penuntut2 yang lain juga sedang di-usahakan.

Yang Berhormat itu berharap penuntut2 itu akan sentiasa tenang dan sabar menerima dugaan yang telah di-hadapi oleh mereka dan menganggap dugaan itu sa-bagai suatu pengalaman yang baik untuk mereka menghadapi perkara2 yang lebeh berat di-masa yang akan datang dalam mereka menjalankan khidmat untuk menyem-

(Lihat muka 8)

Bebas dari taun

PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Perubatan telah menerima maklumat dari Kementerian Kesihatan Kuala Lumpur bahawa Daerah Bau, Bahagian Kuching, Sarawak telah di-istiharkan sa-bagai bebas dari wabak taun.

(Lihat muka 8)

Pulang sa-telah berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey dan Datin Gautrey telah pulang ka-Brunei pada hari Isnin sa-telah berchuti.

Ketibaan mereka di-lapangan terbang antarabangsa Brunei telah di-sambut oleh Awang J.W. Mofatt yang telah bertugas sa-bagai Pemangku Pesuruhjaya Tinggi semasa ketiadaan Dato Gautrey.

Harga minyak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Harga minyak petrol, diesel dan minyak tanah telah naik di-seluruh negeri mulai hari Jumaat 11hb. Januari yang lalu.

Minyak petrol jenis 'super' naik sa-banyak 25 sen sa-gilin; jenis 'regular' naik 22 sen sa-gilin; minyak diesel naik 10 sen sa-gilin dan harga minyak tanah naik 10 tiap2 sa-gilin.

Harga baru bagi sa-gilin minyak petrol jenis 'super' ia-lah \$1.25; jenis 'regular' 90 sen; diesel 75 sen dan minyak tanah 90 sa-gilin.

Sa-orang juruchapak Sharikat Pemasaran Shell di-Brunei menyatakan bahawa kenaikan harga2 minyak itu ada-lah tidak dapat di-elakkan.

Ini, kata beliau ada-lah berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah di-sebabkan pembayaran royalti dan chukai yang tinggi di-kenakan ka-atas negara2 pengeluar minyak seluruh dunia termasuk Brunei.

Kenaikkan harga minyak ini ada-lah merupakan pertama kalinya berlaku di-Brunei sejak bulan Jun tahun 1971.

Hari Peladang

TEMBURONG. Jabatan Pertanian Daerah Temburong akan mengadakan hari peladang pada hari Sabtu 19hb. Januari, bertempat di-Steshen Pertanian Salangan, Temburong mulai dari pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

RENGKASAN SEJARAH BRUNEI

(SAMBONGAN MINGGU LALU)

PERKEMBANGAN BRUNEI DI-ZAMAN SULTAN BOLKIAH

Oleh: Y.B. PEHIN ORANG KAYA AMAR DIRAJA
DATO SERI UTAMA (DR) AWG. HAJI MOHD.
JAMIL AL-SUFRI

KEDATANGAN ORANG EROPAH

Sultan Bolkiah ibnu Sultan Sulaiman ibnu Sultan Sharif Ali ada-lah sa-orang Sultan Brunei yang sangat berusaha untuk memperkembangkan kemajuan Brunei yang memerintah pada akhir K.M. XV dan pada awal K.M. XVI. Baginda ada-lah sa-orang Sultan yang sangat suka mengembara ka-luar negeri untuk memperhatikan keadaan negeri2 orang bagi mendapatkan chontoh tauladan yang baik untuk menambahkan kemajuan negeri Brunei. Antara lain kemajuan2 yang di-bawa oleh baginda itu yang maseh dingati oleh orang Brunei ia-lah tukang2. Baginda telah memperbaiki kemajuan tukang2 perak, tembaga, besi dan bertenun kain dengan jalan membawa orang yang pandai2 dari negeri lain ka-Brunei bagi maksud memperbaiki keadaan kemajuan tukang2 yang sedia ada di-Brunei pada waktu itu.

Keadaan pemerintah Negeri Brunei di-zaman pemerintahan baginda boleh di-kata pada garis2 besar-nya ada-lah tersusun dengan baik dan baginda ada-lah sa-orang Sultan yang adil yang memerintah Brunei dengan sa-chara melantek beberapa orang pembesar2 negara yang menjadi wakil baginda. Dengan sebab sistem itu-lah yang membolehkan baginda berangkat belayar ka-luar negeri untuk meluaskan pandangan dan pendapat terhadap kemajuan Negeri Brunei dan oleh2 itu diusahakan untuk di-kembangkan. Pada zaman baginda boleh di-katakan kemajuan Brunei telah meningkat tinggi dan hampir2 seluruh Pulau Borneo ini menyatukan diri dengan Brunei dan menjadi nama "Pulau Brunei" kepada seluruh pulau itu dan akhir-nya di-pilatkan oleh orang barat dengan sebutan "Borneo". Di-sebabkan kebijaksanaan baginda menjalankan pentadbiran pemerintahan yang sentiasa adil dan saksama maka sa-makin banyak negeri2 yang berlandong di-bawah panji2 Brunei.

Baginda ada-lah di-katakan sa-orang Sultan yang sentiasa tidak puas hati terhadap kemajuan yang telah di-perolehi baginda. Maka dengan sebab itu-lah baginda tidak berhent2 menjalankan usaha untuk meningkatkan mutu kemajuan Negeri Brunei di-waktu itu. Bekas2 peninggalan dari pemerintahan baginda yang chemerlang itu telah di-saksikan oleh orang2 barat yang melawat ka-Brunei pada T.M. 1521 yang pernah di-tulis oleh sa-orang penulis yang bernama Pigafetta yang bersama2 dengan angkatan Magelan, yang telah menuliskan penglihatan-nya terhadap susunan pemerintahan Kerajaan Brunei di-waktu itu. Dari tulisan itu dapat kita jalankan pengkajiannya betapa tingginya nilai susunan pemerintahan di-zaman baginda itu jika di-bandingkan dengan keadaan negeri2 yang di-sekeliling-nya pada zaman itu.

Sejak dari K.M. I lagi orang2 Eropah telah membuat hubongan perniagaan dengan Negeri China. Hubongan perniagaan antara Negeri China dengan Eropah dan Eropah dengan Negeri India pada zaman itu kebanyakan-nya di-hubungkan dengan jalan darat, yang sangat sukar dan menghadapi berbagai2 bahaya. Oleh kerana perjaanan antara Eropah dan China masa itu menghadapi beberapa kesukaran, ahli2 perniagaan yang menjalankan perniagaan di-waktu itu tidak terus menerus melainkan bersambong2 antara satu tempat dengan satu tempat dan antara satu pusat perniagaan dengan satu pusat perniagaan. Ada tiga jalan perniagaan yang mashor di-waktu itu ia-itu dari Eropah melalui Asia Minor, Turkistan Timor dan terus ka-Negeri China. Jalan yang lain lagi dari Eropah melalui Laut Hitam dan terus ka-China. Jalan lain lagi dari Eropah ka-Negeri Sham melalui negeri Irak dan terus ka-Telok Farsi maka dari sana mereka belayar ka-India dan seterusnya ka-negeri China dengan menggunakan jalan laut.

Apabila Negeri Baghdad ditakloki oleh orang2 Turki pada T.M. 1258, maka perniagaan ka-timor yang melalui Sham dan Telok Farsi telah di-tutup oleh orang2 Turki. Akan tetapi perniagaan antara China dan Eropah yang mengikut jalan yang lain maseh terus menerus. Pada T.M. 1260 sa-orang bangsa Itali yang bernama Marco Polo telah pergi ka-Negeri China dan balek ka-Eropah melalui Telok Farsi sampai di-Eropah pada T.M. 1295. Dari hasil pengembaraan Marco Polo ini menjadikan ahli2 perniagaan Eropah sa-makin giat untuk menchari jalan ka-timor kerana pandangan mereka sa-makin ternyata terhadap keadaan kekayaan negeri2 di-sebelah timor yang telah di-cheritakan oleh Marco Polo itu. Apabila bandar Constantino-ple di-taklok oleh Turki pada T.M. 1453 maka kuasa orang2 Greek yang berpusat di-bandar itu telah di-ambil oleh orang2 Turki dan dari masa itu perjalanan perniagaan melalui Turki telah tidak dapat berjalan dengan lancar lagi di-sebabkan banyak gangguan daripada orang2 Turki. Penutupan ini menjadikan saudagar2 Eropah sa-makin menguatkan usaha mereka untuk menchari jalan bagi meneruskan maksud perniagaan mereka. Beberapa hadiah telah di-tawarkan kepada orang2 rmai untuk menggalakkan orang2 ramai untuk menggalakkan orang2 ini. Pada masa itu orang2 Eropah merasa ragu2 hendak menchari jalan yang lain sa-lain daripada jalan yang di-tentukan kerana mereka takut kalau2 mereka jatoh di-pinggir bumi yang mana pada masa itu sangkaan orang maseh menganggap dunia ini tidak bulat. Akan tetapi oleh kerana mereka terpaksa menchari jalan baru maka bahaya yang di-jangkakan mungkin di-hadapi oleh mereka itu telah di-ketepikan dan tidak di-indahkan malah di-fikirkan sebagai suatu chubaan.

Berikutan dengan maksud itu pada T.M. 1460 sa-orang anak raja Portugal, Prince Henry telah mengpeakan satu angkatan ka-timor melalui selatan Afrika tetapi pemergian-nya sampai di-Afrika Selatan sahaja. Sunggoh pun demikian pemergian-nya diikuti oleh Bartholemeus de Diaz pada T.M. 1486 yang telah melimpasi perjalanan yang terdahulu sa-hingga ia sampai di-Tanjong Pengharapan. Pada T.M. 1497 pelayaran itu di-ikuti lagi oleh sa-orang Portugis yang bernama Vasco da Gama. Ia-telah belayar lebeh jauh dari Tanjong Pengharapan sa-hingga ia telah sampai ka-India.

Terdahulu dari Vasco da Gama pada T.M. 1492 sa-orang bangsa luai yang bernama Christopher Columbus telah menchuba belayar ka-timor dengan menuju ka-sebelah barat. Ia telah berjaya menjumpai Pulau2 Hindia Barat. Kemudian pada T.M. 1509 orang Portugis telah pergi ka-Timor melalui Afrika Selatan dan terus sampai ka-Melaka sa-hingga T.M. 1511 mereka telah berjaya menakloki Melaki.

Pada 20hb. September, T.M. 1519 satu angkatan yang di-ketuai oleh Ferdinand Magellan telah bertolak dari Sepanyol untuk pergi ka-timor melalui jalan laut sa-belah barat. Angkatan itu telah sampai di-Brunei pada 15hb. Julai, 1521. Dalam angkatan itu ada sa-orang penulis yang bernama Pigafetta bersama2 dan ia telah menuliskan pandangan-nya terhadap Brunei di-waktu itu. Maka dari pandangan Pigafetta ini-lah yang menjadikan orang2 Sepanyol ingin hendak mendapatkan Brunei. Pada T.M. 1576 satu utusan Sepanyol dari Manila telah di-hantar ka-Brunei untuk membawa surat dari Gabnor Manila kepada Sultan Brunei sambil meninjau keadaan Brunei pada waktu itu. Utusan itu telah balek dengan kemarahan kerana maksud-nya tidak mendapat sambutan. Berikut-nya pada T.M. 1580 orang Sepanyol telah melangar Brunei dan telah berjaya menduduki Brunei kerana mereka menggunakan dua orang pembesar negeri yang telah belut dengan sebab janji2 palsu, tetapi mereka itu telah dapat di-halau oleh orang2 Brunei.

Sa-lepas itu maka bertalu2-lah orang2 Eropah yang lain datang ka-Brunei. Pada T.M. 1600 orang Belanda yang bernama Oliver Van Noorf melawat Brunei tetapi ia tidak dapat meneruskan maksud-nya kerana masa itu Kerajaan Brunei yang di-perintahkannya oleh Sultan Hassan nampak-nya tidak dapat di-pengaruhi. Pala T.M. 1609 ia datang lagi hendak membuka perniagaan di-Brunei juga tetapi itu pun tidak berjaya. Sa-telah melihat perkembangan usaha Belanda dan Sepanyol untuk menchari kawasan di-sebelah timor, pada T.M. 1599 ahli2 pelayaran Inggeris telah menghadapkan satu laporan kepada Queen Elizabeth untuk meminta perkenan supaya mereka dapat menghantar ahli2 perniagaan mereka ka-sebelah timor.

Pada T.M. 1611 Kompeni Inggeris India Timor telah menghantar

tar satu angkatan ka-Negeri Jepun yang di-ketuai oleh Sir Henry Middleton. Sambil melawat Jepun itu, pada T.M. 1612 angkatan itu telah pingsang di-Brunei. Kemudian pada T.M. 1665 perjalanan itu diikuti pula oleh sa-orang Inggeris yang bernama Captain Cowley yang telah datang ka-Brunei juga, tetapi tidak di-ketahui apa yang telah di-jalankannya di-Brunei pada waktu itu.

Menurut P. Collins, pada T.M. 1663 Bahagian Selatan Paragua di-Pulau Brunei di-perintahkannya oleh Kerajaan Brunei. Kenyataan itu juga menyebutkan bahawa pada T.M. 1617 Sultan Hassan telah menghantar satu angkatan untuk menaklokan Santao dan mereka telah membunuh dan mengalahkan tentera lawan-nya serta membinasakan harta2 yang berharga satu juta ringgit. Riwayat itu juga menyebutkan bahawa Mainila atau Su'orong telah menghantar utu ka-Brunei sa-gantang emas sah-tahun.

Sejak orang2 Sepanyol menduduki Manila pada T.M. 1574 mereka telah mengembangkan kuasanya ka-Pulau2 Luzon dan di-Pulau2 Solo. Oleh kerana perkembangan kuasa orang2 Sepanyol itu-lah yang menjadikan kuasa dan pengaruh pemerintahan Brunei di-kawasan itu telah menjadi beransor2 kurang.

Pada T.M. 1762 Alexandra Dalrymple telah menduduki Manila dan seterusnya pada T.M. 1764 ia menandatangani satu perjanjian dengan Sultan Alimuddin untuk mendapatkan kuasa di-sekitar daerah Sabah termasuk Pulau Balambangan. Bersebab dengan perbuatan Sultan Alimuddin memasokkan daerah Sabah di-dalam perjanjian itu, maka Sultan Omar Ali Saifuddin I telah menghantar angkatan melangar Manila pada T.M. 1769 yang di-ketuai oleh Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Awang Aliwaddin. Tetapi sa-masa angkatan itu sampai di-Manila Sultan Alimuddin itu sudah tidak ada di-Manila lagi dan Manila masa itu telah dikuasai oleh Sepanyol.

Sunggohpun kuasa yang di-dapati oleh Alexandra Dalrymple dari Sultan Alimuddin itu bermula dari T.M. 1764 tetapi T.M. 1771 baru-lah Sharikat Hindia Timor Inggeris membuka perniagaan di-Balambangan. Ini pun akhir-nya pada T.M. 1775 Sharikat Hindia Timor Inggeris yang di-Balambangan itu telah di-tutup di-sebabkan pusat perniagaan itu di-serang oleh orang2 Sulok yang di-ketuai oleh Dato Teting. John Herbat sendiri yang menjadi ketua di-sana telah pergi ka-Brunei untuk menchari ikhtiar hendak memindahkan kuasa mereka di-sana dan seterusnya juga mereka meminta Pulau Labuan supaya di-serahkan kan kepada pehak Kompeni Hindia Timor Inggeris, tetapi permintaan itu tidak di-persetujui. Dari semenjak bulan Noverber T.M. 1775 itu pehak Sharikat Hindia Timor Inggeris yang telah berundur dari Balambangan itu terus menutup perniagaan mereka di-sana.

Pengundoran orang2 Inggeris dari Balambangan bukan menjadi suatu halangan kepada pehak Sharikat Hindia Timor Inggeris malah mereka terus berkira2 memindahkan perniagaan-nya itu di-tempat lain seperti Pulau Pinang dan Singapura. Kira2 T.M. 1808 pada zaman Sultan Muhammad Kanzul Alam memerintah, sa-buah kapal yang di-ketuai oleh Si Merah telah datang ka-Brunei membawa harimau. Mungkin kapal itu satu daripada kapal yang di-tugaskan untuk meluaskan perniagaan itu. Kesudahan-nya kapal itu di-mus-

(Lihat muka 6)



BERIBU2 orang umat Islam telah membanjiri mesjid2 dan surau2 di-seluruh negeri untuk menunaikan sembahyang Hari Raya

Haji pada hari Sabtu 5hb. Januari yang lalu.

Gambar atas menunjukkan sabahagian dari jemaah2 yang hadir sembahyang Aidil Adha di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan ketika khusus mendengarkan khutbah. — Gambar JHEU/BP.

Sambutan Awal Muharam di-Pekan Bangar

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunos bin Haji Hussin akan beruchap dan seterusnya merasmikan sambutan Awal Muharam 1394 pada hari Sabtu 26hb. Januari, 1974 mulai jam 8.00 malam.

Majlis sambutan Awal Muharam seluroh negeri itu dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan dan akan berlangsung di-Dewan Pekan Bangar, Temburong.

Di-antara acara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu termasuklah nashid, bacaan sajak dan satu acara kemunchak yang di-jangka menarik dalam persembahan itu nanti ia-lah sebuah derama yang bertajok 'Fajar Islam di-Rumah Panjang'.

(Lihat muka 6)

Empat orang lagi meninggal dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang lagi jemaah haji Brunei telah meninggal dunia di-Mekah.

Mereka ia-lah Hajjah Dayang Bintang binte Nudin Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Othman, Dy. Saadiah bte Mujun dan Hajjah Dg. Fatimah bte Mohd. Salleh.

Allahyarhamah Hajjah Dayang Bintang berumur 55 tahun berasal dari Kampong Kilanas Allahyarham Awang Haji Abdul Kadir berumur 74 tahun berasal dari Kampong Tanjong Maya, Tutong, Allahyarhamah2 Dy. Saadiah, berumur 59 tahun, berasal dari Kampong Labi dan Hajjah Dy. Fatimah, berumur 49 tahun berasal dari Kampong Kapok, Muara.

Dengan kematian empat orang jemaah haji itu menjadikan tujuh orang jemaah haji Brunei yang telah meninggal dunia di-Mekah dalam musim haji tahun ini.

JUDI—satu permainan yang sukar hendak di-hapuskan

PERMAINAN judi ia-lah satu permainan yang tertua yang sangat sukar hendak menghapuskan-nya walaupun di-kebanyakan negeri yang bertamaddun larangan bermain judi telah di-kuatkuasakan dengan undang2 negara.

Bagi kita umat Islam larangan bermain judi telah dinyatakan dengan terang didalam kitab suci Al-Quran dan kita semua tentu telah ma'alum tentang hukum bermain judi ada-lah haram. Sa-bagaimana firman Allah Subhanahu-Wataala di-dalam Surah Al-Maedah ayat 90 yang bermaksud:

KHUTBAH JUMA'AT

"Wahai sekalian mereka yang beriman bahawa sesungguhnya arak, judi, berhalal dan anak2 panah bagi maksud menilik nasib itu ada-lah kotor (najis) daripada perbuatan2 shaitan, maka jauhi-lah perbuatan2 itu, mudah2an kamu beroleh kejayaan".

Sekalipun bermain judi itu pengenalan-nya hanya satu jiwa ia-itu suatu pertarungan nasib, tetapi dari segi nama dan achara2-nya ada di-dapati bermacam2, ada judi yang di-beri nama sa-bagai tikam loteri, ada judi yang di-namakan dalam bertaruh seperti bertaruh ayam dan lain2 lagi. Dan pada masa yang akhir2 ini timbul pula suatu jenis judi yang di-namakan judi 'tikam ekor'. Nampak-nya judi tikam ekor ini khabar-nya telah menjadi kegemaran sa-tengah2 orang ramai di-negeri ini. Sajauh ini kita tidak pula dapat memastikan dari mana datang-nya judi tikam ekor ini dan siapakah yang mengelolakan-nya, tetapi yang jelas orang ramai telah banyak "berkurapak" tentang-nya.

Menurut khabar2 sampai kepengetahuan kita, chara bermain tikam ekor itu ia-lah dengan jalan meneka angka2 menjadi nombor hujung daripada titik chabutan yang terjadi dalam satu2 perlumbaan kuda samada tiga atau empat angka, maka dengan sebab angka yang di-teka ini ia-lah angka yang letak-nya di-hujung itu-lah sebab-nya judi ini di-namakan judi tikam ekor.

Wang pertarohan yang diadukan itu jika betul2 tepat tekaan-nya ia-itu sesuai dengan beberapa angka ekor yang di-teka-nya akan berjaya-lah ia mendapat sa-jumlah wang yang kadang2 beribu2 kali ganda daripada yang dipertarohkan-nya, dengan itu para peserta tikam ekor berharap akan mendapat wang yang banyak dengan modal yang sedikit.

Oleh harapan2 atau angan2 untuk menang dan memperoleh keuntongan dengan jalan mudah itu, maka bukan sedikit khabar-nya orang2 Islam terlibat dalam kegiatan bermain judi tikam ekor. Malahan untuk mendapatkan angka2 yang mungkin bertuah ada pula setengah2-nya menchari2 khabar kereta berlanggar bagi mendapatkan nombor lesen kereta yang terlibat, kemudian mereka menikam ekor berpandukan nombor2 kereta itu.

Bahaya dan akibat burok dari bermain judi itu semua orang tahu, jarang pemain judi menjadi kaya atau bergembira di-dalam hidup-nya. Malah-nya pemain2 judi selalunya jadi orang pemalas, leka berangan2 mengharapkan rezeki datang menchurah dengan jalan yang sa-habis2 senang. Ada pemain judi yang terpaksa bergadai tanah, membuang harta dan perkakas2 isteri dan anak2, tiada peduli tugas dan kewajipan2 menchari nafkah anak isteri sa-chara halal, tiada peduli kesihatan, berjudi siang malam dan sebagainya. Jika ada perolehan dari pencharian yang halal habis di-buang di-meja judi kerana ketageh judi.

Sangat benar-lah firman Allah di-dalam kitab suci-nya Al-Quran yang bermaksud:

"Bahawa sesungguhnya-nya shaitan memang berkehendak melakukan kamu rasa permusuhan dan benchi-membenci akibat arak dan judi, disamping menyekat kamu daripada mengingati Allah dan menyembah-nya oleh itu hendaklah kamu sekalian hentikan".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya kita umat Islam jangan melibatkan diri dari permainan judi kerana bukan sahaja bermain judi itu mendatangkan dosa besar bahkan juga membawa akibat yang sangat burok kepada diri, keluarga, bangsa, ugama dan tanah ayer.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16hb. Januari, 1974 hingga ka-hari Selasa 22hb. Januari, 1974 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
16hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-43	5-01	5-18	6-35
17hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-43	5-01	5-18	6-35
18hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-43	5-01	5-18	6-35
19hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-43	5-01	5-18	6-35
20hb. Jan.	12-36	3-57	6-32	7-43	5-01	5-18	6-35
21hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-44	5-03	5-20	6-35
22hb. Jan.	12-37	3-58	6-34	7-44	5-03	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



PEPEREKSAAN S.R.P. MERUSOT

RAMAI penuntut2 yang garal dalam peperiksaan SRP aliran Melayu dan Inggeris merasa kurang senang dan kurang gembira apabila keputusan peperiksaan itu diumumkan minggu lalu.

Mereka terus berduka cita dan ada setengahnya mengeluarkan ayer mata terutama bagi penuntut2 yang gagal sudah dua kali mengambil peperiksaan tersebut.

Kekeshewaan itu bukan saja di-anani oleh penuntut2 itu sendiri bahkan menjadi perasaan kurang gembira di-kalangan ibu-bapa, lebel2 lagi para guru yang sentiasa mengharapkan kejayaan yang lebih baik tetapi mengalami nasib sebaliknya.

Harapan untuk mengaharumkan nama ibu bapa, mengaharumkan nama baik guru dan mengaharumkan nama baik sekolah telah pudar. Kesedaran dari kegagalan itu hanya timbul setelah kemusnahan peperiksaan di-perolehi dan demikian juga rasa kekewa, hampa dan berduka cita hanya dapat dirasakan di-saat ia-nya maseh panas di-peribadikan.

Keperasaan itu di-sedari di-saat2 menghadapi pelajaran sa-tiap hari.

Kemerosotan kejayaan penuntut2 itu sa-tiap tahun akan mengalahkan pandangan kita mengenai harapan yang muna-sabah atas pucuk2 yang me-dihatkan kejadian demikian.

Barangkali ada tiga faktor penting yang menjadi pucuk utama menyebabkan kemerosotan itu.

PERTAMA, kurang inisiatif penuntut2 itu sendiri atas pelajaran di-sebabkan penyempitan pelajaran itu tidak sa-timbang antara orang yang memberi dengan yang menerima.

KEDUA, cara pelajaran itu di-sampaikan kurang memberi kesan.

KETIGA, tanpa ada-nya cak-lakkan dari ibu bapa dengan membicarakan anak2 mereka membuang masa di-luar sekolah, lebih mementingkan jenis hiburan daripada pelajaran.

Barangkali itu-lah di-antara perkara2 penting yang menjadi pucuk utama kegagalan ini.

Lebel2 lagi penuntut2 itu telah mengerti bahwa peperiksaan yang di-hadapi banyak bersifat objective yang mereka anggap paling senang menyebabkan mereka kurang mementingkan pelajaran sa-tiap hari dan hanya cukup di-semak semula sa-bulan sa-belum menghadapi peperiksaan.

Pendek kata di-kesedaran itu hanya dapat di-raai apabila hampir hendak periksa.

Keputusan peperiksaan dalam tahun 1973 tambah merusot berbanding dengan tahun 1972. Sa-rata 1,540 orang mengambil peperiksaan dalam aliran Melayu tahun lepas hanya 225 orang sahaja lulus sementara 2,148 orang mengambil peperiksaan dalam aliran Inggeris hanya 715 orang lulus.

Jika ketiga2 faktor penting di-atas dapat berjalan dengan sempurna tegas-nya tidak pinggang, maka akan kita dapat keputusan peperiksaan akan lebih menyenangkan dan mengembirakan.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah ketika berangkat ka-Balai Singgahsana Istana Darul Hana untuk menjatani Istimad Bersanding Diraja.



Barisan pembesar2 negara beserta isteri masing2 ketika hadir di-istiadat tersebut. Dari kanan Yang Teramat Berhormat, Pemehat Ummat kebawah D.Y.A.M.R; Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar; Y.T.M. Seri Paduka Wazir2; Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah dengan di-iringi oleh Kadri Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali berangkat ka-Balai Singgahsana untuk menjatani Istimad Bersanding Diraja.

Mempada Diraja menaruh tangan mengantikan do'a atas selamat berlangsung-nya Istimad Bersanding Diraja yang di-bahagikan oleh Kadri Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Matyassin.



Kedua mempelai Diraja Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah dan Yang Mulia Pengiran Anak Taharuddin berangkat meninggalkan Balai Singgahsana sa-selah selesai menjatani Istimad Bersanding Diraja.

Kenderaan yang di-hiasi khas yang melambangkan kebesaran adat-istiadat Diraja Brunei yang membawa kedua mempelai Diraja dalam perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan untuk di-perkemarkan kepada rakyat jelata.



SELAMAT PENGANTIN DIRAJA

DARI seluruh pelok Negara rakyat jelata menbanjiri ibu kota untuk menyaksikan perarakan mempelai Diraja yang penuh warna-warni dengan alat2 perhiasan kebesaran Diraja.

Suasana meriah mengelokkan pandangan mata yang tetap menjadi kenangan abadi untuk ristaan sejarah bangsa.

Denyutan jantung sa-tiap saat kian mendebar, ribuan mata tertumpu ka-arah pengantian remaja do'a restu dipohonkan semoga 'Selamat Bersanding Pengantin Diraja' kekal bahagia sa-panjang masa.

Dalam buku rancangan perkahwinan Diraja, tersisip

mudah menjunjung sabda, segala pujian bagi Allah, salawat dan salam bagi Rasulullah.

Menjunjung sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Sa'leuddin Sa-sabai Khairi Waddien, maka sa-laku Pengerti Jawatankuasa Tertinggi Istimad Perkahwinan Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Benira Istimad Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dalam musedin-dinahnya antara lain telah ber-sabda 'bahaya perkahwinan Diraja ini telah di-biasakan seperti yang sepatutnya, di-padan seri di-adin menurut kebiasaan Adat Istimad Diraja Brunei.

Perkahwinan ialah lakah pemisah antara dua dunia yang berlainan dunia teruna dan dara semula kepada dunia rumah tangga yang akan melahirkan keturunan yang baharu.

Bagi sa-orang teruna dan sa-orang dara yang sudah berbulat tekad untuk melangkah ka-dunia rumah tangga, tanggung-jawab mereka akan berubah dan bertam-bah berat sejak lafad2 'aku terima nikah-nya'.

Bagi ibu bapa dan seluruh dangsanak pula, mereka akan sentiasa berharap dan berdo'a perkahwinan itu mendapat rahmat dan restu dari Allah, kekal dalam rukun damai hingga beranak chuchai.

Di-pehak Jawatankuasa Tertinggi Istimad Perkahwinan Diraja, semua Jawatankuasa, Kechil serta kaki-tangan yang terlibat sa-chara langsung mau pun tidak langsung akan sentiasa menjunjung sabda untuk membaikkan Perkahwinan Diraja supaya ia menjadi bukan sahaja suatu keramatan yang di-junjung oleh sa-tiap rakyat, bahkan suatu saloran untuk mencurahkan hati nurani rakyat ber-tegoh setia menjunjung kebesaran serta keagungan hidup beradab istiadat di-bawah payung Kerajaan Berselutan yang berdaulat.



Barisan pembesar2 negara beserta isteri masing2 ketika hadir di-istiadat tersebut. Dari kanan Yang Teramat Berhormat, Pemehat Ummat kebawah D.Y.A.M.R; Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar; Y.T.M. Seri Paduka Wazir2; Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakhiah dengan di-iringi oleh Kadri Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali berangkat ka-Balai Singgahsana untuk menjatani Istimad Bersanding Diraja.

Keputusan penoh pepereksaan S. R. P.

BERIKUT ini ialah keputusan penoh pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran bagi sekolah2 menengah dan maktab serta calon2 persendirian di-se'uroh negeri yang telah di-adakan pada tahun lepas.

Keputusan pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran a'iran Inggeris (LCE) akan di-siarkan dalam keluaran minggu depan.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU SULTAN MUHD. JAMALUL 'ALAM

Abu Bakar bin Salleh, A; Abd. Hakim bin Ibrahim, B; Hakim bin Md. Noor, A; Imran bin Berahim, B; Matali bin Apong, B; Otman bin Metusin, B; Puasa bin Berudin, B; Shabri bin Karim, C; Zainal bin Sisa, B; Azizah bte Ayub, A; Alimah bte Adi, B; Dy. Fatimah bte Dollah, B; Dy. Nursineh bte Tengah, B; Dayang Adi bte Momin, C.

Dk. Sharifah bte. Pg. Bakar, B; Dk. Hashimah bte Pg. Dahari, C; Maisiamah bte Ghani, A; Mimah bte Matnoor, B; Norsimah bte Sukirman, B; Nurmah bte Jamahat, B; Nafsiyah bte Hj. Mohammad, C; Siti Amah bte Abd. Latif, B; Tiawa bte Haji Ahmad, B; Zaliha bte Awang Daud, B; Tahir bin Jaya, A; Siti Aminah bte Ahmad, A; Saunah bte Sirat, A.

Adi b. Untong, B; Abd. Rahman b. Aji, B; Ali Rahman b. Kahar, A; Abd. Nasir b. Mohd. Yatim, A; Aji b. Ampal, A; Awang Damit b. Lias, A; Ak. Hashim b. Pg. Chuchu, A; Ak. Omar b. Pg. Damit, A; Ak. Daud bin Pg. Damit, B; Baharuddin b. Haji Abdulmuti, A; Ghapor b. Mohamad, A.

Harpajan Singh, A; Ibrahim b. Ahim, A; Ismail b. Hj. Tuah, C; Ishak b. Awg. Ahmad, B; Jamaludin b. Tuah @ Jamaludin, A; Mahdan b. Haji Ahmad, A; Md. Sallehudin b. Haji Barlin, A; Md. Sharif b. Abdullah, A; Marali b. Mohammad Salleh, A; Metasim b. Hj. Tussin, C; Omar b. Hj. Md. Yassin, B; Rosli b. Hj. Tuddin, B; Bal Bir Kaur, A.

Dayang/Tinun bte Mohammad, A; Dayang Rukiah bte Awang

Ering, B; Dy. Zanah bte Hj. Metusin, A; Dk. Intan bte Pg. Sabli, B; Hjh. Maisalamah bte. Hj. Tuah, A; Hasnah bte Awang Achee, A; Issah bte Hj. Omar, A; Jaimah/Jamiah bte Othman, A; Salamah bte Salleh, B; Tajah bte Omar, A; Zubiadah bte Md. Yassin, A; Aliussin b. Adi, A.

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN

Abas b. Anggut, B; Abd. Majid b. Bakar, A; Abd. Rahman b. Amit, A; Abd. Rahman b. Hj. Tamin, A; Abu Bakar b. Ali Mustapha, A; Ahmad b. Bubong, B; Aini bte Karim, A; Aisan bte Jamuddin, C; Ajak bin Mirusin, A; Ak. Said bin Pg. Mahmud, A; Amit bin Hj. Daud, A; Aminah bte Yassin, A; Anapah bin Bangkol, A.

Apong bin Binchin, C; Ag. Bakar bin Matzin, A; Aw. Bakari bin Mat Said, C; Ag. Besar bin Ag. Ahmad, A; Aw. Bini bin Muhammad, A; A. Hidup bin Osman, C; Awg. Latip bin Nayan, A; Awg. Nurzainah/Awg. Md. Noor b. Gapor, A; Badrah bte Bakar, C; Duah bin Matzin, A; Dy. Armah bte Amp. Metafir, A; Dyg. Halimah/Dyg. Naskah bte Minudin, A; Dyg. Jijah bte Mamun, A.

Dy. Kamsiah bte Puteh, A; Ebil bin Ahmad, A; Hamzah bin Mohamad Nor, C; Hanafiah bin bin Jikeria, A; Ibrahim bin Sawal, A; Jamil bin Abai, A; Jamudin bin Abd. Hamid, A; Jimlah bte Lian, A; Juhari bin Ahmad, C; Kamis bin Haji Mumin, A; Keli-Nanta bte Tujoh, A; Labab b. Sahat, A; Ling anak Baji, B; Lisah bin Tengah, A; Md. Johari bin Nordin, C; Norsalam bte Hj. Mumin, B; Radiah bte Hj. Jamahat, A.

Rosnani bte Serudin, A; Sadiyah bte Ramli, A; Sahbudin bin Jali, C; Salihah bte Sahari, C; Salleh bin Puasa, A; Satu b. Kimchoi, A; Siti bte Dulamin, A; Sitiajar bte D. Ratna H. Jaya, A; Siti Harmah bte Ibrahim, A; Siti Rahmat bte Sidek, B; Taher b. Angas, A; Takong b. Ahmad, A; Tamam b. Hj. Samad, A;

Tampoi bte Lamit, A; Zainab bte Ahad, A; Zainab bte Kula, B; Zaini b. Kadir, A.

SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH.

Ali bin Apong, C; Balim bin Bali, A; Md. Said b. Abas, C; Mesli b. Lamat, A; Miramit b. Damit, A; Mohd. Buang b. Omar, C; Nairul Anwar b. Abd. Lahai, A; Aisah bte Bahar, A; Arni bte Nayan, A; Rathiah Dwana bte Abdullah, A; Dy. Atmah bte Hj. Ahmad, B; Dy. Gambar bte Gapar, A.

Dy. Masniah bte Md. Tahir, C; Dy. Intan bte Maidin, A; Dy. Seroja bte Siau, A; Hadijah bte Hassan, A; Hajah Tuning bte Abdullah, C; Hasmah bte Yakob, A; Hasnah bte Omar, A; Hawa bte Mahmud, B; Jarah bte Abd. Wahab, A; Maimunah bte Mohd. Saat, C; Rohanah bte Jumat, A; Sadiyah bte Hashim, C; Salamah bte Mohd. Yusof, A; Zuraidah bte Mohd. Hanifah, A.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTUNG.

Palam bte Lani, A; Rosiah bte Jaludin, C; Wong Siew Kim, C; Batang bin Kilat, B; Chugot Anak Kelai, C; Jarau bin Malang, A; Madam bin Musing, A; Maling bin Lunyung, A; Md. Jali bin Shabbudin, B; Md. Taha bin Salleh, C; Pakai bte Musing, A.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUHD. ALAM, SERIA.

Ismail Haji Hamid, A; Ladin Kapal, A; Mejenie Jamaie, C; Md. Salleh bin Awg. Tuah, C; Salim Talip, A; Tanga Riah, A; Ajijah Dullah, B; Ishah Hamzah, A; Jamilah Yahya, A; Kamar Kasmat, B; Norsiah Ahmad Tarju, C; Sherifah Mastura Wan Taha, A.

KELAS DEWASA S.M.M. MUHD. ALAM, SERIA.

Sipun Luyong, A; Fatimah bte Haji Mohamad, B; Siti Norlaila bte Mohd. Buntar, C; Saadiyah/Sadiyah bte Saidi, C; Satiawa Ibrahim, C.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT

Abdul Razak bin Bidin, C; Abdul Razak bin Sirat, C; Ali bin Yunus, C; Basri bin Pawi, C; Bibi bte Zulkafli, C; Bungsu Anak Unan, A; Dayang Norimas bte Awang Petra, C; Fatimah bte Ibrahim, A; Fatimah bte Taib, B; Johari bin D.M.S. Dian, C; Juntan Anak Omba, C; Kah Lee, A; Kumiti bin Lintang, B; Osman bin Daud, A; Ramli bin Pawi, A; Son Anak Bugik, A; Yeot bte Bujang, C.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR.

Awang Rosli bin Mustafa, A; Ak. Othman bin Pg. Ismail, C; Md. Yunus bin Budin, C; Dayang Nawati bte Hj. Taha, C; Jaimah bte Samsu, C.

CHALUN PERSENDIRIAN, TUTUNG.

Abu Bakar bin Hj. Ratu, C; Kuala bin Bungok, C; Muda bin Enja, C; Matasat bin Nayal, C; Mohd. Noor bin Othman, C.

KELAS DEWASA SEK. MEN. MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR.

Husnah bte Hj. Mohd. Yusof, C; DARJAH DEWASA PETANG SEK. MEN. MELAYU S.M.J.A., BANDAR SERI BEGAWAN

Musa bin Mantok, C; Rosli bin Ismail, A; Nuriyah bte Saif, C; Noorni bte Nudin, A.

CHALUN PERSENDIRIAN, BANDAR SERI BEGAWAN.

Abd. Rahman bin Bagol, A; Abd. Hamid bin Bungsu, C; Abd. Manaf bin Madin, A; Junaidi bin Jafar, C; Judin bin Haji Karim, C; Kamariah bte Hj. Abd. Rahman, B; Metussin bin Haji Metali/Ismail, A; Mohd. Daud bin Bungkol, C; Md. Yusof bin Ag. Damit, C; Md. Ali bin Ahmad, C; Md. Daud bin Abu Bakar, A; Othman bin Ahmad, C; Sarbini bin Muhammad, C; Shabri bin Abu Bakar, C; Rosni/Halizah bte Abu Bakar, A; Wasli bin Janai, A.

Tafsir Darussalam siri ke-25

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUSSALAM" siri ke-25 sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai.

Majalah yang di-terbitkan oleh Jabatan Hal Ehwah Ugama itu berharga 50 sen sa-naskah. Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUSSALAM" memuat antara lain, tafsiran dan huraian ayat (11) hingga ayat (25) dari surah Ali-Emran.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwah Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Sambutan Awal Muharam di-Pekan Bangar

(Dari muka 3)

Derama ini mengesahkan perihal kehidupan orang2 di- rumah panjang sa-belum dan sa-sudah menerima chahaya kebesaran ugama Islam. Disamping itu ia-nya juga meng-gambarkan sa-bahagian dari usaha2 kerajaan melalui Jabatan Hal Ehwah Ugama untok menyebarkan shi'er ugama Islam di-seluruh negeri khu-sunya dan di-kawasan2 pen-dalaman.

Derama itu akan di-jayakan bersama oleh Seksi Kesenian dan Kebudayaan Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Orang ramai, khusus-nya penduduk2 Daerah Tembu-rong ada-lah di-persilakan ha-dhir untok sama2 mera'ikan majlis tersebut.

Daerah2 Brunei-Muara, Be-lait dan Tutong akan juga mengadakan sambutan yang sama pada tarikh2, tempat dan achara2 yang berasingan.

RENGKASAN SEJARAH BRUNEI

(Dari muka 2)

nahkan oleh Pengiran Pemancha Pengiran Mohd. Daud yang telah membunuh harimau yang di-dalam kapal itu. Pada T.M. 1810 Alexandra Hare telah di-perintahkan oleh pehak Sharikat Hindia Timor Inggeris yang di-Melaka untok menyasiat kemungkinan meng-adakan perniagaan di-Borneo tetapi ia telah balek dengan tangan kosong.

Kemudian pada T.M. 1811 Raffles telah menghantar F. Burn kapontianak untok menyelidiki sa-buah kapal Inggeris yang bernama "Commerce" yang telah hilang. Ia telah mendapat berita kapal itu telah rosak dan orang2 tawanan di-dalam kapal itu di-katakan di-jual ka-Brunei. T.M. 1839 Brooke telah sampai ka-Sarawak. Sejak dari kedatangan-nya itu, ia telah mula hendak berikhtiar untok mendapatkan kuasa di-sana dan chita2-nya telah terlaksana. Kemudian pada T.M. 1865 sa-orang yang bernama Charles Lee Moses telah datang ka-Brunei dan mengatakan diri-nya sa-bagai wakil Amerika Sharikat di-Brunei, tetapi kemudian ia telah

berjaya memajak kuasa2 terhadap daerah yang di-utara Sabah ia-itu Pulau Banggi, Pulau Belabak, Pelawan dengan bayaran sembilan ribu ringgit sa-tahun. Kemudian pada T.M. 1865 juga kuasa itu di-jualkan-nya kepada Joseph Torrey. Pada T.M. 1867 Lee Moses datang ka-Brunei untok mendapatkan kuasa daerah Sabah yang lain.

Kemudian pada T.M. 1875 Baron de Overback yang berkongsi dengan Alfred Dent telah membeli kuasa pula yang telah di-beli oleh Sharikat Perniagaan Amerika dari Lee Moses pada T.M. 1865 itu dan seterusnya pada 20hb. Disember, 1877 Baron de Overback dan Alfred Dent telah berjaya membuat perjanjian dengan Sultan Abdul Momin untok memajak negeri Sabah yang kuasanya telah di-beli itu. Maka sejak dari itu-lah pehak Sharikat Borneo Utara British terus membesarkan kawasan sharikat itu dan bagitu juga pehak Brooke telah meluaskan kawasan Sarawak-nya sa-hingga kawasan Brunei menjadi ke-chil saperti yang ada sekarang.

(BERSAMBONG MINGGU DEPAN)

PULIS PUNYAI PERANAN PENTING DLM MENJAGA KEAMANAN NEGARA

JALAN MUARA. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mempunyai peranan yang penting dalam memikul tanggung-jawab yang berat di-sisi kehidupan masyarakat kerana sa-bahagian besar kehidupan masyarakat terletak di-tangan pulis.

Keamanan, ketenteraman dan kesentosaan negeri ini sangat penting di-jaga untuk di-kekalkan kerana jika keamanan, kesentosaan dan keselamatan negara ini terancam sudah tentu segala usaha yang akan di-jalankan akan terganggu dan sukar untuk mendapat hasil yang baik.

Demikian telah di-nyatakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri di-upachara perbarisan tamat latehan bagi 60 orang rekrut pulis yang telah di-adakan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara pada hari Sabtu lalu.

Yang Berhormat itu berkata, Negeri Brunei ia-lah sa-buah negeri yang mengamalkan keadilan berdasarkan undang2 dan ada-lah menjadi kewajipan pasokan pulis menjaga kelichinan perjalanan undang2 itu supaya tidak tersekat atau di-salah gunakan oleh sesiapa.

Beliau menerangkan, tugas dan kuasa yang di-amanahkan kepada pasokan pulis ada-lah berat dan ia-nya hanya dapat di-laksanakan dengan latehan disiplin yang kukuh dan tidak kurang penting-nya ia-lah sifat pimpinan yang adil, tidak berat sebelah dan jujur sa-masa menimbang atau memutuskan satu2 perkara semata2 berdasarkan kebenaran.

Angkatan Pulis Diraja, tegas beliau, ada-lah satu daripada angkatan pulis yang telah di-anugerahkan gelaran Diraja serta mempunyai panji2 dan dengan limpah kornia Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, baginda sendiri berchemar Duli menjadi Inspektor General-nya.

Yang Berhormat itu berkata, kehormatan yang paling tinggi kepada pasokan pulis Diraja Brunei patut-lah di-jaga nama baik-nya supaya pasokan itu sa-makin mashor.

Nama baik itu bukan hanya akan menjadi kebanggaan kepada anggota pasokan pulis Diraja Brunei. tetapi juga ibu-bapa dan sanak saudara dan seterusnya kepada seluruh raayat dan penduduk negeri ini akan memandang pasokan pulis sa-bagai penagak keadilan dan kesentosaan yang sentiasa menegohkan ta'at setia kepada Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Yang Berhormat itu perchaya rekrut2 itu akan bergembira dalam menjalankan perkhidmatan dan tugas2 mereka dalam angkatan pulis Diraja sa-bagai perwira negara yang akan menjalankan amanah Kerajaan D.Y.M.M. dan sa-bagai perwira yang mewarisi datok nenek mereka zaman berzaman yang sentiasa menyembahkan ta'at setia kepada Raja.

Beliau juga menguchapkan tahniah kepada mereka yang telah berjaya memperolehi tali pinggang kuning dan beberapa orang memperolehi tali pinggang jingga judo sa-lain dari mereka yang lulus peperiksaan pertolongan chemas dan lalus dari Persatuan Penyelamat Kelemasan Diraja.

Yang Berhormat itu berharap rekrut2 yang telah tamat latehan itu akan dapat menggunakan ilmu pengetahuan mereka dengan baik-nya bukan saja mendatangkan faedah kepada diri mereka sendiri tetapi juga kepada raayat dan penduduk negeri ini.

Di-upachara itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja juga telah menyampaikan hadiah2 kepada rekrut2 yang terbaik ketika menjalani latehan.

(Lihat muka 8)



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri memereksa barisan rekrut2 di-upachara perbarisan tamat latehan itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENOLONG PENGAJAR, FABRICATION AND WELDING

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds Bahagian I dan II dalam Fabrication Craft Practice ATAU Welding Craft Practice ATAU mempunyai kelulusan yang sa-bandung yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya sa-lama dua tahun sa-lepas memperolehi kelulusan.

*Am:

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kepada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City and Guilds siri 820. Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh bertutor dan menulis Bahasa Melayu. Umor sebaik2-nya lebeh dari 25 tahun.

2. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN BATA

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guild Bil. 82 atau 608 atau mempunyai kelulusan yang sa-bandung yang di-iktiraf.

Sa-bagai Bilal di-J.H.E.U.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan antok memenohi jawatan2 Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Bagi Mesjid Kampong Sungai Ubar, Kuala Belait — (1 jawatan)
Bagi Mesjid Tanjung Maya Tutong — (1 jawatan).

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

3. PENOLONG PENGAJAR, MENCHAT DAN MENGHIAS

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds bil. 85 atau 615 atau mempunyai kelulusan yang sa-bandung yang di-iktiraf.

4. PENOLONG PENGAJAR, PERTUKANGAN KAYU

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds Bil. 80 atau 605 atau mempunyai kelulusan yang sa-bandung yang di-iktiraf.

*Am:

Semua chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman indastri dan mesti-lah sanggup membuat kerja2 projek dan juga mengajar teori dan praktikal.

5. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN PAIP

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds Bil. 832 ATAU 617.

*Am:

Minat dalam bidang sukan atau lain2 kegiatan sekolah ada-lah suatu kelebihhan.

Semua chalon2 hendak-lah mempunyai sa-banyak sedikit pengalaman perindastrian dan mesti-lah bersedia untuk membuat kerja2 projek sa-lain daripada mengajar teori dan praktikal.

6. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN MESEN

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus peperiksaan City and Guilds Bahagian I dan II dalam Mechanical Engineering Craft Practice atau mempunyai kelulusan yang sa-bandung yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya sa-lama dua tahun sa-lepas memperolehi kelulusan.

*Am:

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kepada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City and Guilds siri 820. Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh bertutor dan menulis Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukata T.7 — Brunei \$470 x 20-510-540x20-660-690x20-710-740x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 4hb. Mach. 1974.

Perarakan Pengantin Diraja

(Dari muka 1)

dian-nya di-arak mengelilingi Bandar Seri Begawan untuk di-perkenalkan kepada rakyat jelata.

Kedua2 mempelai Diraja itu di-arak dalam sa-buah kenderaan yang di-hiasi khas yang me'ambangkan kebesaran adat-istiadat Diraja Brunei dan di-dahului o'leh pasukan pancharagam Pulis Diraja Brunei.

Perarakan yang panjang-nya kira2 sa-batu itu juga di-iringi oleh kenderaan yang membawa alat2 kebesaran Diraja dan Pembesar2 Negara.

Beribu2 orang rakyat dan penduduk negeri ini telah membanjiri di-tepi2 jalan yang di-lalui oleh perarakan itu untuk melihat wajah kedua mempelai Diraja sa-chara dekat.

Di-tepi2 jalan dari simpang Istana Darul Hana, beribu2 orang kanak2 sekolah telah berbaris sambil mengibarkan bendera sa-baik2 saja perarakan Pengantin Diraja itu lalu di-hadapan mereka.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; Tuan Yang Terutama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohd. Bolkih; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkih; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkih; kerabat2 Diraja; Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M.; Yang Amat Berhormat Pmk. Menteri Besar; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2, Yang Berhormat Pmk. Setia Usaha Kerajaan serta lain2 pembesar negara juga turut mengiringi perarakan Pengantin Diraja itu.

Sementara itu, Istiadat Pengan-tin Diraja Muleh Tiga Hari telah sempurna di-langsungkan pada malam Isnin dan di-ikuti dengan Santap Bersarapan di-Taman Istana Darul Hana sa-bagai mera'ikan kedua2 mempelai Diraja itu.

Perayaan2 bagi mera'ikan Istiadat Perkahwinan Diraja itu telah berakhir pada hari Isnin 14hb. Januari lalu apabila Istiadat Menutup Gendang Jaga2 berlangsung di-Balai Persantapan Diraja.

194 lulus pereksa S.R.P.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 194 orang penuntut dari tujuh buah sekolah menengah dan maktab di-seluruh negeri telah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Dari jumlah itu, sa-ramai 112 orang chalu telah lulus dengan mendapat pangkat 'A', 39 orang mendapat pangkat 'B' dan 43 orang mendapat pangkat 'C'.

Dari sa-ramai 1,321 chalu yang mengambil peperiksaan itu, 60 orang dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan telah lulus ia-itu bersamaan dengan 56.1 peratus; Sekolah Menengah Arab, 26 orang bersamaan dengan 24.5 peratus; Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, 17 orang — bersamaan dengan 19.8 peratus; Sekolah Menengah Melayu SJA, 63 orang — bersamaan dengan 11.0 peratus; Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria, 12 orang — bersamaan dengan 08.6 peratus; Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, 15 orang — bersamaan dengan 06.4



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih ketika di-alu2kan oleh Pengerusi Lembaga dan Pengarah Urusan Overseas Union Bank Berhad, Awang Lien Ying-Chow.

Lesen andang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Perikanan telah mengingatkan kepada nelayan2 supaya membaharui lesen alat2 penangkap ikan mereka bagi tahun ini.

Beliau berkata, nelayan2 yang di-dapati menggunakan alat2 penangkap ikan yang tidak berlesen boleh di-dakwa di-bawah Undang2 Perikanan 1972 dan alat2 tersebut akan di-rampas.

Nelayan juga di-ingatkan bahawa tiap2 satu lesen itu hanya boleh di-gunakan untuk satu andang saja dan kegunaan lebih dari satu andang bagi satu lesen tidak dibenarkan.

Lesen2 di-kuuarkan oleh Jabatan Perikanan di-Pejabat Daerah Belait pada tiap2 hari Khamis dan Sabtu; di-Jabatan Laut Tutong pada hari Selesa pertama tiap2 bulan antara jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan di-Jabatan Perikanan, Bandar Seri Begawan pada tiap2 hari kechuali pada hari Selesa dan Rabu pertama tiap2 bulan.

peratus dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, 11 orang — bersamaan dengan 04.8 peratus.

Sa-lain dari itu sa-ramai 31 orang chalu persendirian juga telah lulus peperiksaan tersebut. Sembilan orang mendapat pangkat 'A'; 2 mendapat pangkat 'B' dan 20 mendapat pangkat 'C'.

(Keputusan penuh peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran di-siarkan di-muka 6).

PEMBETULAN

Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Awang Haji Md. Taib ialah Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Beliau bukan-lah Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan sapertimana yang tersebut dalam akhbar ini, keluaran 2hb. Januari yang lalu di-muka 2 mengenai dengan ucapan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan.

Di-pohonkan maaf atas kesilapan ini. — **Pengarang.**

SA-BUAH LAGI BANK DI-BUKA DI-NEGERI INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohammad Bolkih telah merasmikan pembukaan Overseas Union Bank Berhad Chawangan Brunei di-Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lalu.

Bank tersebut ada-lah bank yang kelapan di-buka di-negeri ini.

Pengerusi Lembaga dan Pengarah Urusan bank tersebut, Awang Lien Ying-Chow, dalam ucapan-nya berkata, ini ada-lah pertama kali sa-buah bank yang di-daftarkan di-Singapura di-buka di-Brunei.

Beliau menerangkan bahawa saperti di-Brunei, bank tersebut juga ada-lah bank Singapura yang pertama menubuhkan chawangan2-nya di-London, Tokyo dan New York.

Beliau berkata, memandang kepada perhubungan rapat dan persafahaman ekonomi antara Brunei dan Singapura, penubuhan chawangan sa-buah bank Singapura di-negeri ini ada-lah sesuai pada waktunya dan mereka akan berusaha sa-berapa daya untuk menyumbangkan tenaga bagi masa depan kemajuan ekonomi dan kewangan Brunei.

Upacara itu telah di-hadiri antara lain oleh, Tuan Yang Terutama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, Awang J.W. Moffatt; Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, ketua2 jabatan kerajaan, pentadbir2 sharikat2 perniagaan dan peniaga2.

Rekrut2 terbaik

(Dari muka 7)

Rekrut 1153 Johari bin Daud telah menerima sijil sa-bagai rekrut terbaik dalam undang2 dan tugas2 pulis, rekrut 1145 Mat Salleh bin Haji Damit, yang terbaik dalam undang2 dan rekrut 1164 Anchak anak Tunggu terbaik dalam kawat rusohkan dan latehan jasmani.

Turut hadir di-upacara tersebut ia-lah Pesuruhjaya Pulis Yang Di-Muliakan Pehin Datu Pahlawan Diraja Dato J.R.H. Burns, Pmerentah Pusat Latehan, Awang T.S. Swan, pegawai2 kanan pulis dan ibu bapa rekrut2 itu.

11 orang penuntut menyambong pelajaran mereka di-U.K.

(Dari muka 1)

bahkan ta'at setia mereka kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

Beliau seterusnya berkata, diatas akibat2 yang telah menimpa kepada mereka di-sebabkan oleh perbuatan orang2 yang suka hendak mengganggu keamanan dan ketenteraman Negeri Brunei ini. hendak-lah di-sambut dengan tabah dan sabar tetapi berusaha dan berikhtiar sambil menghadapkan hati kepada Tuhan.

Penuntut2 itu juga telah di-ingatkan supaya mengelakkan daripada melibatkan diri daripada sa-barang perbuatan yang membahayakan keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara dan hendak-lah sa-mata2 menumpukan usaha kepada pelajaran sa-bagaimana yang telah di-tugaskan kepada mereka.

Sebelas orang penuntut itu telah bertolak ka-United Kingdom pada hari Sabtu lepas.

Lapan orang dari penuntut2 itu ada-lah bekas penuntut2 dari Maktab Institut Teknologi Mara dan lima orang dari mereka telah menyambong pelajaran di-Francis King Secretarial School London dan tiga orang lagi akan menyambong pelajaran mereka di-Saint Aldates Tutorial College, Oxford.

Dayangku Zabaidah bte Pengiran Said, Dayang Rosnah binte Haji Abdullah, Dayangku Aminah binte Pengiran Said, Dayangku

Zaleha binte Pengiran Haji Tengah dan Dayang Saerah binte Momin akan menyambong pelajaran mereka di-Francis King Secretarial School London.

Penuntut2 yang akan menyambong pelajaran mereka di-Saint Aldates Tutorial College Oxford, ia-lah Awangku Mohamed Sidek bin Pengiran Ahmad, Awangku Salleh bin Pengiran Ahwir dan Awang Mohamed Zaini bin Abdul Ghani.

Awang Mohamed Zain bin Mohamed, Awang Hamid bin Asmat dan Awang Azahari bin Ahmad semua-nya bekas penuntut dari Maktab Kadir Adabi Kelantan akan menyambong pelajaran mereka di-Saint Aldates Tutorial College Oxford bagi kursus pra-Universiti.

Sa-orang lagi bekas penuntut dari Maktab Kadir Adabi Kelantan, Dayang Jariah binte Matali yang di-jadualkan bertolak ka-London pada hari itu telah menarek diri.

Sementara itu, sa-orang lagi penuntut Brunei yang mengikuti kursus pra-Universiti di-London juga bertolak ka-Canada pada hari itu untuk menyambong pelajaran di-Universiti Lethbridge, Alberta.

Penuntut itu ia-lah Awang Alias bin Dato Matnor, beliau mengambil kursus perubatan di-universiti tersebut.